

Karbon dioksida dalam udara semakin 'pekat'

Kadar ketika ini tidak pernah dicapai bumi sejak 4 juta tahun lalu

Washington: Kepekatan karbon dioksida di udara adalah 50 peratus lebih tinggi berbanding ketika era praindustri.

Agensi iklim Amerika Syarikat (AS) berkata, tahap kepekatan setinggi itu tidak pernah dicapai di bumi dalam tempoh kira-kira empat juta tahun lalu.

Pemanasan global oleh manusia, terutama menerusi penghasilan tenaga menggunakan bahan

api fosil, pengangkutan, penghasilan simen, malah penebangan hutan turut bertanggungjawab terhadap peningkatan itu.

Menurut pihak Pentadbiran Atmosfera dan Lautan Kebangsaan (NOAA), setiap tahun, Mei adalah bulan mencatatkan jumlah pelepasan karbon dioksida tertinggi.

Pada Mei 2022, catatan sudah melangkaui nilai ambang 420 bahagian bagi setiap juta (ppm) iaitu unit ukuran yang digunakan untuk mengukur pencemaran di udara.

Pada Mei 2021, kadarnya adalah 419 ppm dan 2020, 417 ppm.

Ukuran itu diambil di balai cerap Mauna Loa di Hawaii, terletak di atas gunung berapi yang membolehkan ia terlepas daripada kemungkinan pengaruh pencemaran tempatan lain.

Sebelum revolusi perindustrian, kata NOAA, CO₂ stabil pada

sekitar 280 ppm, tahap itu dikkalkakan kira-kira 6,000 tahun tamadun manusia yang mendahului perindustrian.

Paras itu kini setanding apa yang berlaku antara 4.1 dan 4.5 juta tahun lalu, apabila paras CO₂ hampir atau melebihi 400 ppm.

Pada ketika itu, paras laut antara lima hingga 25 meter lebih tinggi berbanding sekarang, cukup tinggi untuk menenggelamkan banyak bandar utama hari ini.

CO₂ adalah gas rumah hijau yang memerangkap haba, secara beransur-ansur menyebabkan pemanasan global. Ia kekal di udara dan lautan selama beribu-ribu tahun.

Bahaya pemanasan global sudah menyebabkan kesan dramatik termasuk penambahan gelombang haba, kemarau, kebakaran atau banjir.

AFP



Aktiviti industri antara penyumbang pencemaran udara yang meningkatkan pemanasan global.

(Foto AFP)